Headline	Hasrat baiki rumah tercapai		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	09 Nov 2018	Language	Malay
Circulation	112,050	Readership	336,150
Section	Dlm Negeri	Page No	55,57
ArticleSize	336 cm²	Journalist	N/A
PR Value	RM 20,106		

TNB laksana CSR baiki rumah

Hasrat Lay Chak Wa, 58, untuk membaiki rumahnya yang rosak teruk tercapai apabila kediaman yang didiami sejak lahir terpilih untuk dibaik pulih di bawah Projek Mesra Rakyat Tenaga Nasional Bhd (TNB).

» BERITA DI MUKA 57

Hasrat baiki rumah tercapai

SEREMBAN 8 Nov. - Hasrat Lay Chak Wa, 58, membaiki rumahnya tercapai apabila kediaman yang didiami sejak lahir terpilih untuk dibaik pulih melalui Projek Mesra Rakyat Tenaga Nasional Bhd (TNB).

Chak Wa yang tinggal di rumah tersebut bersama adik perempuannya memberitahu, dia tidak mampu membaiki kediaman mereka kerana tiada simpanan dan hanya bergantung kepada upah membaiki rumah untuk kelangsungan hidup.

"Saya gembira kerana rumah yang rosak teruk sebelum ini sudah dibaiki dan kelihatan baru.

"Sebelum ini, apabila hujan saya terpaksa menggunakan besen atau baldi untuk menadah air hujan yang masuk ke dalam rumah," katanya ketika ditemui selepas Majlis Keraian Projek Mesra Rakyat TNB peringkat negeri, di sini baru-baru ini.

Penyerahan rumah berkenaan disempurnakan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Mambau, Yap Yew Weng.

Sementara itu, Ketua (Perkhidmatan Pelanggan) TNB negeri, Wan Ishak Soed berkata, kos membaiki rumah Chak Wa berjumlah RM50,000 dan mengambil masa kurang dari tiga bulan untuk disiapkan.

Katanya, TNB membuat tinjauan ke rumah Chak Wa pada Ogos lalu dan premis itu menepati kriteria yang ditetapkan.

Wan Ishak berkata, Projek Mesra Rakyat TNB merupakan antara program tanggungjawab sosial korporat syarikat berkenaan sejak 2012 bagi membantu kerajaan membaiki kediaman golongan sasaran berketurunan Cina dan India.

YAP YEW WENG (tiga dari kiri) menyerahkan replika kunci rumah kepada Lay Chak Wa (dua dari kiri) sambil diperhati oleh Wan Ishak Soed (empat dari kiri) ketika hadir ke Majlis Projek Mesra Rakyat TNB Negeri Sembilan di Kampung Seri Mambau, Seremban, Negeri Sembilan, baru-baru ini.

Powered by: iSENTIA